

Jangan beri syarat: PM

BH 30 APR 2001

“Ada yang meminta pampasan terlalu tinggi apabila diminta berpindah dari kawasan setinggan, walaupun kawasan itu diduduki secara haram”

— Dr Mahathir Mohamad

Oleh Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta penduduk setinggan tidak mengenakan pelbagai syarat apabila kerajaan mahu memindahkan mereka dari kawasan yang diduduki.

Sambil meminta kerjasama golongan itu supaya matlamat menjadikan negara ini bebas daripada setinggan tercapai, Perdana Menteri berkata mereka tidak sepatutnya menuntut jumlah pampasan yang tinggi dan harga rumah terlalu rendah daripada kerajaan.

“Ada yang meminta pampasan terlalu tinggi apabila diminta berpindah dari kawasan setinggan, walaupun kawasan itu diduduki secara haram.

“Tapi bila ditawarkan rumah, mereka nak beli dengan harga murah,” katanya pada majlis penyerahan kunci simbolik kepada 20 pembeli perintis fasa 1 Pangsapuri Mampu Milik, Damansara Damai, di Sungai Buluh hari ini.

Tahun lalu, 28,000 penduduk tinggal di 197 kawasan setinggan, sebahagian besarnya di Lembah Klang. Kehadiran setinggan yang tidak terurus, terutama di tepi sungai, turut dikaitkan dengan kejadian banjir kilat di ibu kota.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Mengenai Setinggan, mengingatkan penduduk setinggan supaya tidak terpengaruh dengan parti pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang selalu menghasut mereka supaya tidak berpindah.

“Selalunya, hanya 75 peratus atau 80 peratus penduduk setinggan yang setuju berpindah dan bakinya enggan pindah kerana dihasut supaya tidak pindah dan buat tuntutan lebih.

“Saya nak cabar semua pembangkang dan NGO ini supaya mereka dirikan rumah untuk setinggan dan buktikan mereka juga ingin bantu rakyat miskin. Jangan pandai cakap saja,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan sudah berusaha sedaya upaya, termasuk memberi subsidi kepada pembinaan rumah kos rendah

LIHAT MUKA 2

Bantuan sukar diberi jika tuntutan tidak munasabah

DARI MUKA 1

yang harganya tidak melebihi RM25,000 supaya penduduk setinggan dapat memiliki rumah sempurna.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak boleh membayar pampasan lebih hanya kerana ingin memenuhi permintaan segelintir penduduk setinggan yang enggan berpindah.

"Bagaimana kita boleh membayar lebih sedangkan kita telah membayar kurang kepada yang lain. Ini kerja parti pembangkang. Saya kata ini dengan terbuka. Dia bukan ada kerja lain... nak cari populariti macam itu," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Perdana Menteri berkata, sukar bagi kerajaan membantu penduduk setinggan jika mereka terus menuntut syarat yang mustahil dapat dipenuhi kerajaan.

"Yang saya sedih sekali ialah keadaan di Kampung Baru. Sampai bila kita nak duduk macam tu di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur ini? Keadaan di situ amat daif seperti setinggan.

"Bila kita nak ambil tanah, dia minta harga tinggi seperti tanah di sekelilingnya (RM1,000 satu kaki per segi). Tapi kalau harga tinggi dan buat bangunan di situ, orang Melayu tak mampu untuk beli semula dan duduk di situ. Dengan itu, Kampung Baru akan hilang. Jadi kena munasabah la sikit..." katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mempunyai rancangan membangunkan Kampung Baru, tetapi ia tidak akan tercapai jika penduduk di situ terus meminta pampasan tanah yang terlalu tinggi.

Mengenai jawatankuasa yang dipengerusikannya itu, Dr Mahathir berkata, ia akan menumpukan kepada masalah setinggan di Lembah Klang saja dan ahli jawatankuasanya terdiri daripada anggota Exco Kerajaan Selangor.

Pangsapuri Mampu Milik Damansara Damai dimajukan oleh projek Medan Prestasi Sdn Bhd, anak syarikat MK Land Holdings Berhad. Skim perumahan penswastaaan Kerajaan Selangor itu merangkumi 75 peratus pembangunan rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan kos sederhana (dengan harga jualan antara RM25,000 hingga RM80,000).

Turut hadir Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, dan Pengerusi Eksekutif MK Land Holding Berhad, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar.